



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**AMALAN TERBAIK PENGAJARAN GURU BAHASA MELAYU SEKOLAH
RENDAH DAERAH LARUT MATANG, DAN SELAMA, PERAK.**

NOR HADIBAH BINTI HUSHAINI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap pelaksanaan Amalan Terbaik Pengajaran (ATP) berpusatkan pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah dalam kalangan guru di daerah Larut, Matang dan Selama. Kajian ini dijalankan berasaskan prinsip amalan terbaik pengajaran dan pembelajaran bahasa oleh Zemelman dan rakan-rakan. Kajian juga meninjau hubungan antara lokasi sekolah dan pengalaman guru dengan tahap pelaksanaan ATP. Kaedah kajian kuantitatif digunakan bagi mendapatkan data deskriptif dan inferensi. Ujian statistik deskriptif dan statistik inferensi, iaitu ujian kolerasi digunakan bagi menjawab soalan dan hipotesis kajian. Bagi mendapatkan data, borang soal selidik digunakan. Soal selidik dijalankan kepada 80 orang guru Bahasa Melayu sekolah rendah di daerah Larut, Matang dan Selama. Sampel dipilih secara rawak berstrata berkadar. Dapatan kajian menunjukkan ATP yang diamalkan guru-guru di daerah Larut, Matang dan Selama berada pada tahap tafsiran min yang tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan pengajaran berasaskan pengalaman pelajar dan pengajaran yang holistik merupakan prinsip ATP paling tinggi yang diamalkan oleh guru. Ujian Kolerasi menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara lokasi sekolah, sama ada sekolah luar bandar atau sekolah bandar dengan pelaksanaan ATP. Ujian Kolerasi juga mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara guru berpengalaman, sama ada guru berpengalaman atau guru novis dengan pelaksanaan ATP. Kesimpulannya, kajian menunjukkan guru-guru Bahasa Melayu sekolah rendah di daerah Larut, Matang dan Selama mengamalkan ATP berpusatkan pelajar. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pelaksanaan ATP Bahasa Melayu sekolah rendah tidak dipengaruhi oleh kedua-dua lokasi dan tempoh pengalaman guru mengajar. Implikasi kajian menunjukkan penggunaan ATP berpusatkan pelajar dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BEST TEACHING PRACTICE OF PRIMARY SCHOOL MALAY LANGUAGE TEACHERS IN LARUT, MATANG AND SELAMA DISTRICT, PERAK.

ABSTRACT

This study aims to review the implementation of the Best Teaching Practice (BTP) student-centered learning in Malay Language of primary school teachers. The study was conducted based on the principles of best practices in teaching and learning language by Zemelman *et al.* The study also examined the relationship between the school locations and the experience of teachers with the implementation of BTP. Quantitative research methods were used to obtain descriptive and inferential data. Descriptive and inferential statistics test, that is the correlation tests were used to answer the questions and hypotheses. To obtain the data, the questionnaires were used. The questionnaires were administered for 80 teachers of Malay Language Primary School in the district of Larut, Matang and Selama. Samples were randomly selected proportional. The findings showed that BTP adopted by teachers in the district of Larut, Matang and Selama were in a high level interpretation mean. The findings also showed that student experience-based teaching and holistic learning principles had achieved the highest BTP principles practiced by teachers. The early correlation tests showed there was no significant correlation between the school locations, either the rural schools or urban schools in the implementation of BTP. The correlation tests also found that there was no significant difference between the teachers experience, either the senior teachers or the novice teachers with the implementation of BTP. The conclusions of the study showed that teachers in the district of Larut, Matang and Selama practiced and implementation of BTP student-centered. In addition, the study also showed that the implementation of this practice was not affected by location and duration of teaching experience. The study implicates that the use of best practice teaching and learning student-centered can enhanced the effectiveness of teaching and learning of Malay Language in primary schools.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xii



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN	xiv
-------------------------	-----

BAB SATU: PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Penyataan Masalah	5
1.3	Objektif kajian	10
1.4	Soalan kajian	11
1.5	Hipotesis Nol Kajian	12
1.6	Kepentingan kajian	12
1.7	Batasan kajian	14
1.8	Definisi operasional	16



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.8.1	Amalan terbaik pengajaran	16
1.8.2	Pengajaran berpusatkan pelajar	16
1.8.2.1	Pengajaran berasaskan pengalaman	17
	1.8.2.2 Pengajaran yang holistik	18
	1.8.2.3 Pengajaran yang autentik	18
1.8.3	1.8.2.4 Pengajaran berasaskan cabaran	19
1.8.4	Guru Bahasa Melayu	20
1.8.5	Sekolah rendah	21
1.8.6	Lokasi sekolah	22
	Pengalaman guru	
1.9	Kerangka konsep kajian	23
1.10	Kesimpulan bab	25

BAB DUA : TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	26
2.2	Amalan Terbaik Pengajaran (ATP)	28
2.3	Amalan Terbaik Pengajaran(ATP) Guru di Bilik Darjah	30
2.4	Amalan Terbaik Pengajaran (ATP) dalam Pengajaran Bahasa	40
2.5	Amalan Terbaik Pengajaran (ATP) dalam Pengajaran Bahasa Melayu	42
2.6	Kajian Amalan Terbaik Pengajaran (ATP) dengan Lokasi Sekolah	49
2.7	Kajian Amalan Terbaik Pengajaran (ATP) dengan Tempoh Pengalaman Guru Mengajar	53
2.8	Kesan Amalan Terbaik Pengajaran (ATP) Terhadap Pencapaian Bahasa Melayu	58
2.9	Model Amalan Terbaik Pengajaran Zemelman sebagai Model Kajian	63
2.9.1	Pengajaran Berpusatkan Pelajar	63

2.9.2	Pengajaran Berasaskan Pengalaman Pelajar	66
2.9.3	Pengajaran yang Holistik	70
2.9.4	Pengajaran yang Autentik	73
2.9.5	Pengajaran Berasaskan Cabaran	75
2.10	Kerangka Teoritikal Kajian	78
2.11	Kesimpulan Bab	79

BAB TIGA: METADOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	80
3.2	Reka Bentuk Kajian	81
3.3	Instrumen Kajian	
3.3.1	Soal selidik	83
3.4	Populasi dan Responden Kajian	86
3.5	Lokasi Kajian	88
3.6	Prosedur Pelaksanaan Kajian	88
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	89
3.8	Kaedah Analisis Data	90
3.9	Kesahan dan kebolehpercayaan	
3.9.1	Kesahan Muka dan Kesahan Kandungan	94
3.9.2	Kesahan Konstruk	97
3.9.3	Kebolehpercayaan Soal Selidik	98
3.9.4	Kajian Rintis	99
3.10	Kesimpulan	100


BAB EMPAT: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	101
4.2	Analisis Latar Belakang Responden	
4.2.1	Analisis Jantina Responden	102
4.2.2	Analisis Umur Responden	103

4.2.3	Analisis Lokasi Sekolah Responden	104
4.2.4	Tempoh Pengalaman Guru Mengajar	105
4.2.4	Kelulusan/Pendidikan Responden	106
4.3	Pelaksanaan Amalan Terbaik Pengajaran Berpusatkan Pelajar oleh Guru-Guru Bahasa Melayu Di Bilik Darjah	107
4.4	Tahap Pelaksanaan Amalan Terbaik Pengajaran (ATP) Berdasarkan Prinsip Berpusatkan Pelajar	
4.4.1	Tahap Amalan Terbaik Pengajaran Berdasarkan Keempat-empat Prinsip Berpusatkan Pelajar secara Keseluruhan	112
4.4.2	Tahap Amalan Terbaik Pengajaran berdasarkan Prinsip Pengajaran Berasaskan Pengalaman Pelajar	114
4.4.3	Tahap Amalan Terbaik Pengajaran berdasarkan Prinsip Pengajaran yang Holistik	116
4.4.4	Tahap Amalan Terbaik Pengajaran berdasarkan Prinsip Pengajaran yang Autentik	118
4.4.5	Tahap Amalan Terbaik Pengajaran berdasarkan Prinsip Pengajaran Berasaskan Cabaran	120
4.5	Hubungan antara Pelaksanaan ATP Berpusatkan Pelajar Bahasa Melayu Sekolah Rendah dengan Lokasi Sekolah	123
4.6	Hubungan antara Pelaksanaan ATP Berpusatkan Pelajar Bahasa Melayu Sekolah Rendah dengan Tempoh Pengalaman Guru	126


BAB 5 : RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi
5.1	Pendahuluan			130
5.2	Rumusan Kajian			130
5.3	Perbincangan			
5.3.1	Pengajaran Berpusatkan Pelajar			134
5.3.2	Pengajaran Berasaskan Pengalaman Pelajar			139
5.3.3	Pengajaran yang Holistik			142
5.3.4	Pengajaran yang Autentik			144
5.3.5	Pengajaran Berasaskan Cabaran			147
5.3.6	Hubungan antara Lokasi Sekolah Sampel dengan ATP Berpusatkan Pelajar			149
5.3.7	Hubungan Tempoh Pengalaman Mengajar Guru dengan ATP Berpusatkan Pelajar			151
5.4	Implikasi Kajian			153
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan			155
5.6	Kesimpulan Bab			157
	Senarai Rujukan			158
	Lampiran			167



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Pencapaian UPSR Bahasa Melayu Daerah Larut Matang Selama tahun 2010 hingga 2015	61
3.1	Pemetaan Soalan Kajian, Item Soal Selidik dan kandungan Item Soal Selidik	85
3.2	Bilangan Populasi dan Sampel Kajian	86
3.3	Jadual Pensampelan Kajian	88
3.4	Interpretasi Min Jawapan Berbentuk Skala	91
3.5	Tafsiran Pekali Korelasi	92
3.6	Matrik Soalan dan Hipotesis dengan Jenis Statistik	93
3.7	Pelaksanaan Kesahan Muka dan kesahan kandungan Bagi Instrument Kajian	96
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	102
4.2	Taburan Responden Mengikut Umur	103
4.3	Taburan Responden Mengikut Lokasi	104
4.4	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Guru Mengajar	105
4.5	Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik Guru	106
4.6	Taburan Peratus, Min dan Sisihan Piawai bagi Amalan Terbaik Pengajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah di Bilik Darjah	109
4.7	Nilai Sisihan Piawai, Min Skor Serta Tafsiran Berkaitan dengan Tahap Pelaksanaan Prinsip ATP	113
4.8	Analisis Prinsip Pengajaran Berasaskan Pengalaman Pelajar	114
4.9	Analisis Prinsip Pengajaran yang Holistik	116
4.10	Analisis Prinsip Pengajaran yang Autentik	119
4.11	Analisis Prinsip Pengajaran Berasaskan Cabaran	121
4.12	Hubungan antara Lokasi Sekolah dengan Amalan Terbaik Pengajaran Berpusatkan Pelajar	124
4.13	Hubungan antara Tempoh Pengalaman Guru Mengajar dengan Amalan Terbaik Pengajaran Berpusatkan Pelajar	127



Perustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	24
2.1	Peta Sorotan kajian	27
2.2	Prinsip Amalan Terbaik Pengajaran Zemelman	63
3.1	Reka bentuk Kajian	82
3.2	Prosedur Pengumpulan Data	90



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832




pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun





ptbupsi



SENARAI SINGKATAN



ATP	Amalan terbaik pengajaran
JERIS	Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek Dan Sosial
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
BBM	Bahan Bantu Mengajar
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
SOP	Standard Operational Procedure
TMK	Teknologi Maklumat Komputer
M	Min
SD	Sisihan piawai
DPM	Diploma Perguruan Malaysia
KPLI	Kursus Perguruan Lepas Ijazah
B.Ed	Bachelor Education
SCL.	Student Centred Learning
PBP	pembelajaran berasaskan pengalaman
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
SPSS	Statistical Package for the Social Science'
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
TL	Tiada langsung
KK	Kadang-kadang
S	Selalu
SS	Sangat selalu
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan





SENARAI LAMPIRAN

A	Borang soal selidik	166
B	Analisis data SPSS	167



Bab 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Matlamat utama pendidikan di Malaysia ialah untuk menampung keperluan tenaga kerja dan mencapai perpaduan negara melalui perkembangan individu yang bersepadu dan menyeluruh dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Bagi menyempurnakan hasrat FPK ini, para guru telah diamanahkan untuk menjalankan tanggungjawab sebagai pendidik bukan sahaja dari segi penyebaran ilmu bahkan dalam pembentukan sahsiah anak didiknya. Generasi yang berilmu dan berakhlak tinggi dapat melahirkan bangsa yang bertamadun. Pihak pentadbir dan perancang sentiasa mengharapkan agar guru mempunyai cita-cita unggul, iaitu membina masyarakat yang bertamadun tinggi.

Apabila FPK ini dihayati, guru harus sedar bahawa mereka sebenarnya memikul tanggungjawab yang amat berat. Guru perlu mencurahkan ilmu kepada pelajarnya dalam apa keadaan sekalipun. Di samping itu, mereka harus peka dengan perubahan semasa dan menyesuaikan secara bijak bagi menangani masalah pengajaran dan pembelajaran terutama yang berkaitan dengan amalan terbaik pengajaran. Selain itu, seorang guru harus menekankan tiga aspek penting dalam dirinya iaitu kepakaran, pengetahuan dan pembentukan sahsiah.

Namun, dewasa ini pelbagai masalah dan cabaran telah melanda sistem pendidikan negara khasnya kepada guru. Sistem pengajaran dan pembelajaran merupakan satu aktiviti yang melibatkan pengajaran guru dan pembelajaran pelajar. Antara masalah yang utama semasa guru menjalankan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah ialah tahap penglibatan pelajar secara langsung dengan proses pengajaran tersebut. Pelajar lebih cenderung menjadi pasif daripada melibatkan diri dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Mereka juga agak kurang berinteraksi sesama rakan dan guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran sedang dijalankan.


Selain itu, masalah kegagalan guru untuk memilih dan menggunakan amalan pengajaran terbaik yang dapat menarik dan mengekalkan minat pelajar kepada perkara yang disampaikan oleh guru juga semakin menular. Hasilnya, pelajar menjadi bosan, tidak menumpukan perhatian dan menimbulkan masalah disiplin. Sebaliknya, jika seseorang guru itu bijak, kreatif dan inovatif, maka dia akan dapat menggunakan kaedah pengajaran

pembelajaran yang berkesan dan melibatkan pelajar secara aktif dan terkawal. Amalan pengajaran berkesan yang digunakan akan dapat mengurangkan masalah yang tidak dikehendaki. Kepelbagaian kaedah, teknik dan strategi dalam amalan pengajaran dan pembelajaran akan menjadikan pelajar aktif, seronok dan mudah menerima apa yang diajar oleh guru.

Hubungan guru dengan pelajar kurang baik dan kurang mesra juga merupakan salah satu masalah yang timbul dalam sistem pendidikan kita dewasa ini. Menurut Tengku Sarina Aini Tengku Kasim dan Yusmini Md. Yusoff (2007), menyatakan bahawa tugas guru bukan bersifat statik dan hanya tertumpu kepada objektif akademik sahaja. Tetapi guru berperanan dan mempunyai pengaruh yang besar kepada pembentukan kehidupan sosial pelajar. Sehubungan dengan itu, pembinaan hubungan berkesan antara guru dan pelajar adalah pendekatan terbaik bagi mencapai hasrat tersebut.

Dalam konteks kajian di bilik darjah pula, guru berperanan sebagai pendidik, pemudah cara atau fasilitator (Shahril Hj Marzuki, 2004). Guru yang pandai mendidik akan memudahkan pelajar memahami sesuatu konsep atau sesuatu kemahiran, manakala guru yang tidak pandai mendidik atau mengajar akan menyebabkan pelajar sukar untuk memahami sesuatu konsep atau sesuatu kemahiran. Malah ini menyebabkan pengajaran guru akan menjadi bosan dan pelajar tidak dapat memberi tumpuan dalam pelajarannya atau pelajar tidak mahu masuk ke kelas. Oleh hal yang demikian, sesuatu P&P dianggap berasaskan amalan terbaik pengajaran, jika guru tersebut berupaya mempelbagaikan

kaedah pengajaran, menyediakan bahan bantu mengajar (BBM) dan mendalami isi kandungan yang hendak diajar.



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah




PustakaTBainun



ptbupsi

Justeru, kajian ini dijalankan untuk menjadi panduan kepada guru-guru menyelesaikan masalah yang timbul semasa menjalankan pengajaran dan pembelajaran, menilai kualiti pengajaran yang dilaksanakan dan seterusnya menggunakan setiap amalan terbaik sebagai asas dalam pengajaran khusus bagi mata pelajaran Bahasa Melayu.




Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

1.2 Pernyataan Masalah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Amalan terbaik pengajaran (ATP) bermaksud satu set piawaian terbaik dalam proses P&P yang memberi manfaat terbaik kepada pelajar. Set piawaian ini mestilah mengikut peredaran semasa dan menggunakan amalan terbaik yang terkini mengikut kehendak kurikulum semasa yang digubal (Zemelman, Daniels dan Hyde, 2012). Oleh hal yang demikian, bidang pendidikan perlu mengambil berat tentang kepentingan amalan terbaik dalam sistem kurikulum yang dibina.

Kurikulum Standard Sekolah Rendah melalui *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu* (2010) juga menyatakan bahawa amalan terbaik dalam pengajaran yang diamalkan oleh guru akan menjadi pemangkin kepada pelajar untuk memahami akal budi, pemikiran dan sosiobudaya pelajar ke arah melahirkan semangat cintakan bahasa dalam satu wawasan demi memartabatkan sistem pendidikan di Malaysia.

Dalam konteks kajian ini, amalan terbaik pengajaran ialah amalan pengajaran berpusatkan pelajar, yang merangkumi empat elemen, iaitu pengajaran berasaskan pengalaman pelajar, pengajaran yang holistik, pengajaran yang autentik dan pengajaran berasaskan cabaran. Aspek-aspek tersebut menggambarkan amalan terbaik pengajaran mengikut model Zemelman *et al.*, (2012).

Namun demikian, amalan terbaik pengajaran masih kurang diamalkan dan dilaksanakan oleh guru-guru dalam bilik darjah di Malaysia khususnya dalam mata pelajaran



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Bahasa Melayu. Salah satu elemen dalam amalan terbaik pengajaran yang kurang dilaksanakan ialah pengajaran berpusatkan pelajar. Walaupun bidang pendidikan makin berkembang maju, namun kebanyakan guru masih mengamalkan pengajaran tradisional yang berpusatkan guru semata-mata.

Menurut kajian Khoo Yin Yin (2008), kaedah “*chalk and talk*” merupakan cara pengajaran utama yang digunakan oleh guru-guru kerana kaedah ini dapat mengatasi masalah bilangan pelajar yang ramai dalam satu kelas dan masalah menghabiskan sukatan pelajaran. Kaedah ini merupakan pengajaran sehalu yang menyebabkan penglibatan pelajar menjadi terbatas dan pasif semasa proses pembelajaran berlangsung. Pengajaran berpusatkan guru seperti ini tidak menyumbang kepada pembangunan pemikiran kritis. Guru seharusnya melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar yang melibatkan pembelajaran aktif untuk membangunkan pemikiran kritis pelajar.

Abdul Rasid Jamian (2011), dalam kajiannya menyatakan bahawa guru-guru di sekolah tidak lagi relevan untuk menggunakan set peraturan yang autokratik dan tegas dengan cara memaksa, mengherdik, meninggikan suara ataupun menggunakan bahasa yang kasar untuk mendisiplinkan pelajar. Sebaliknya, guru perlu mewujudkan hubungan yang lebih akrab dengan pelajar. Salah satu caranya adalah melalui pendekatan pembelajaran menyeronokkan dan berpusatkan pelajar dengan melibatkan pelajar secara aktif semasa pembelajaran dan pengajaran di bilik darjah berlangsung.

Menurut Surendran Sankaran dan Norazlinda Saad (2012), pelaksanaan amalan terbaik pengajaran berpusatkan pelajar juga dipengaruhi oleh lokasi sekolah. Dapatan kajian mereka menunjukkan tahap pelaksanaan amalan terbaik pengajaran dan tahap penerimaan sumber di kawasan luar bandar adalah lebih kurang berbanding sekolah di bandar. Khalid Johari (2012) dan Mohd Khairudin Abdullah (2010), pula mendapati tahap pengalaman guru mengajar memainkan peranan dalam pelaksanaan amalan terbaik pengajaran berpusatkan pelajar. Dapatan kajian mereka menunjukkan guru yang baru mengajar (tidak berpengalaman) lebih kerap mengamalkan pengajaran berpusatkan pelajar berbanding guru yang telah lama mengajar (berpengalaman).

Daripada kajian-kajian di atas, kebanyakan guru lebih mengamalkan pengajaran berpusatkan guru sahaja. Tidak dapat dinafikan bahawa peranan guru amat penting sebagai individu yang menjadi pemangkin dalam proses pelajar mencari ilmu. Tanpa kehadiran guru, proses pembelajaran yang berlaku mungkin tidak efektif. Oleh hal yang demikian, guru perlu sedar akan kepentingan unsur pembelajaran aktif yang berpusatkan pelajar dalam pengajaran untuk mewujudkan hubungan baik dengan pelajar-pelajar mereka seterusnya memastikan pengajaran tersebut menjadi lebih baik dan berkesan.

Kenyataan di atas, jelas menunjukkan bahawa amalan baik dalam pengajaran adalah amat penting bagi memastikan setiap misi dan visi sistem kurikulum kita tercapai. Oleh hal yang demikian, kita haruslah mempunyai model dan instrumen untuk menilai tahap keberkesanan amalan terbaik pengajaran guru-guru di sekolah.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Daripada *Standard Operational Procedure (SOP)* yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2010), amalan terbaik pengajaran dibahagikan kepada tiga elemen, iaitu elemen satu pelajar, elemen dua guru dan elemen tiga pengetua atau guru besar. Elemen dua dalam SOP menyatakan tentang amalan terbaik pengajaran guru akan menjamin keberkesanan yang tinggi terhadap sesuatu mata pelajaran yang diajar. Daripada SOP ini juga peranan guru dalam pembelajaran dan pengajaran akan menjadi lebih efisien dan memudahkan guru melaksanakan tanggungjawab dengan baik.

Terdapat pelbagai model yang boleh digunakan oleh guru-guru sebagai panduan dalam mengamalkan amalan terbaik pengajaran di bilik darjah. Sebagai contoh, model awal tentang amalan baik pengajaran guru yang berkesan telah dikemukakan oleh Carroll (1989), model Slayin (1994), model Zemelman *et al.* (2012) dan beberapa lagi model lain yang boleh digunakan.

Amalan terbaik pengajaran ini sangat penting dan perlu segera dijalankan di peringkat sekolah kerana keberkesanan penyampaian ilmu adalah faktor penting dalam menjamin kemenjadian pelajar. Daripada *Standard Jaminan Kualiti Jemaah Nazir* (2010) telah menyatakan bahawa pendidikan di sekolah melahirkan pelajar yang berilmu, pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesajahteraan diri. Bagi mencapai hasrat tersebut pihak Jemaah Nazir telah menetapkan beberapa kriteria yang perlu diterapkan dalam pengajaran guru bagi memastikan pembelajaran yang menyeluruh dapat dilaksanakan oleh guru bermula di peringkat prasekolah lagi. (Perkara 3.5 Standard 5)

Ini selaras dengan kehendak pihak kementerian yang termaktub dalam *Dokumen Standard Kurikulum Sekolah Rendah* (2010), menyarankan strategi pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pendekatan berpusatkan pelajar, serta kepelbagaian teknik dan sumber. Guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun dan mengolah aktiviti mengikut kesesuaian pelajar. Huraian ini diharapkan dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Jika diteliti, pelbagai kajian-kajian berkaitan cara untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran telah dijalankan seperti kajian Hj Komaruddin Abdullah (2012), Kajian Shahril Hj Marzuki (2004) dan Rozita Radhiah Said dan Abdul Rasid Jamian (2009) di Malaysia khasnya tetapi masih kurang kajian dijalankan untuk menilai tahap amalan terbaik dalam pengajaran yang diamalkan oleh guru-guru di Malaysia secara menyeluruh.

Namun, masih kurang kajian yang dijalankan untuk membina satu instrumen yang boleh diguna pakai untuk menilai tahap pelaksanaan amalan terbaik pengajaran oleh guru-guru di Malaysia. Kebanyakan kajian tersebut juga dijalankan di sekolah menengah tetapi masih kurang kajian di peringkat sekolah rendah sedangkan masalah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu khas membaca bermula dari sekolah rendah. Justeru, kajian berkaitan amalan terbaik dalam pengajaran Bahasa Melayu ini harus juga dijalankan kepada guru-guru yang mengajar di peringkat sekolah rendah.

Selain itu, kebanyakan panduan berkaitan amalan terbaik pengajaran yang disediakan oleh pihak berwajib juga hampir semua yang digariskan lebih tertumpu kepada

pengurusan bilik darjah bukannya amalan terbaik yang boleh diamalkan oleh guru dalam pengajaran sesuatu mata pelajaran, contohnya buku *Panduan Pendidikan Bahasa Arab* dan *Buku Panduan Amalan Baik Pengajaran Moral*. Bagi pengajaran Bahasa Melayu sendiri pun masih kurang buku panduan, kajian atau sarjana yang menggariskan tentang amalan terbaik dalam pengajaran secara jelas dan tepat.

Oleh hal yang demikian, satu kajian diperlukan untuk mengenal pasti sejauh manakah guru-guru melaksanakan amalan terbaik pengajaran dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Diharap dengan adanya kajian ini juga dapat menjadi panduan kepada guru dalam melaksanakan amalan terbaik pengajaran khususnya untuk mata pelajaran Bahasa Melayu.



1.3 Objektif Kajian

Secara khusus objektif kajian ini ialah untuk:

1. Mengetahui tahap pelaksanaan amalan terbaik pengajaran Bahasa Melayu oleh guru di bilik darjah.
2. Mengetahui tahap pelaksanaan amalan terbaik pengajaran berpusatkan pelajar oleh guru-guru Bahasa Melayu di bilik darjah.
3. Meninjau hubungan antara pelaksanaan amalan terbaik pengajaran Bahasa Melayu sekolah rendah dengan lokasi sekolah (luar bandar dan bandar)
4. Meninjau hubungan antara pelaksanaan amalan terbaik pengajaran Bahasa Melayu sekolah rendah dengan tempoh pengalaman guru mengajar (berpengalaman dan tidak berpengalaman).



1.4 Soalan Kajian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Soalan kajian ini adalah seperti di bawah:

1. Apakah tahap pelaksanaan amalan terbaik pengajaran Bahasa Melayu yang telah diamalkan oleh guru di bilik darjah secara keseluruhan?
2. Apakah tahap pelaksanaan amalan terbaik pengajaran berpusatkan pelajar diamalkan oleh guru-guru Bahasa Melayu di bilik darjah?
3. Adakah terdapat hubungan antara pelaksanaan amalan terbaik pengajaran Bahasa Melayu sekolah rendah dengan lokasi sekolah (luar bandar dan bandar)?
4. Adakah terdapat hubungan antara pelaksanaan amalan terbaik pengajaran Bahasa Melayu sekolah rendah dengan tempoh pengalaman guru mengajar (berpengalaman dan tidak berpengalaman).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.5 Hipotesis Nol Kajian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Hipotesis digunakan untuk meningkatkan kobolehpercayaan kajian, di mana pada akhir kajian aras signifikan ditunjukkan. Hipotesis nol merupakan pernyataan yang neutral bagi hipotesis penyelidikan.

Hipotesis nol kajian ini adalah seperti berikut:

1. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pelaksanaan amalan terbaik pengajaran Bahasa Melayu sekolah rendah dengan lokasi sekolah bandar atau luar bandar.
2. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pelaksanaan amalan terbaik pengajaran Bahasa Melayu sekolah rendah dengan tempoh pengalaman guru mengajar.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap pelaksanaan amalan terbaik pengajaran dan faktor-faktor yang mempengaruhi amalan terbaik pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu seperti faktor lokasi sekolah dan tempoh pengalaman guru mengajar. Hasil kajian yang telah dibuat dapat memberikan panduan kepada para pendidik supaya dapat menyedarkan para pendidik agar mereka mempelbagaikan gaya pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan kefahaman dalam



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi